

|                                                   |
|---------------------------------------------------|
| <input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian |
| <input type="checkbox"/> Berita Minggu            |
| Tarikh: 12/5/2011                                 |
| Hari: Khamis M/S: 2                               |
| Ruangan: VARTU                                    |

UUM/AAG/BH/12.5.2011/P:2(1-4)

# Autonomi universiti ke arah kebebasan akademik



Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani

MINDA INTELEK

**K**ERAJAAN bercadang untuk memberi autonomi kepada lima universiti di Malaysia menjelang 2015. Menurut laporan rancangan pembangunan lima tahun negara (RMK-10) yang dibentangkan di Dewan Rakyat, langkah itu adalah antara usaha bersepadu kerajaan untuk meningkatkan kompetensi siswazah dan kebolehpasaran modal insan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika membentangkan RMK-10, telah mengiktiraf peranan ahli akademik di dalam usaha untuk memperluas ilmu khususnya dalam menghasilkan penemuan dan penciptaan baru yang dapat menyumbang kepada kemakmuran negara khususnya dari segi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sains dan teknologi.

Tambah beliau, peranan universiti yang semakin besar dari segi memakmurkan masyarakat, maka pemberian autonomi menjadi pilihan yang terbaik. Maka anjakan transformasi dasar diperlukan yang mana universiti tidak lagi diletakkan di bawah kawalan langsung negara, hanya pemantauan secara tidak langsung yang diperlukan.

Kerajaan sebenarnya secara berperingkat-peringkat cuba mempraktikkan kebebasan akademik di universiti. Dua langkah pertama yang diambil ialah dengan meminda beberapa peruntukan di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan memberikan autonomi kepada universiti.

Kerajaan sebenarnya menjalankan dua strategi iaitu kebebasan akademik dari segi makro dan mikro. Kebaikan yang diperolehi daripada



PERANAN universiti penting dalam melahirkan modal insan berkualiti. -Gambar hiasan.

pemberian autonomi kepada universiti ialah kebebasan akademik dari segi makro akan dimantapkan.

Melalui Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008, kuasa menubuhkan fakulti dan jabatan diberikan kepada Senat. Pindaan ini selaras fungsi Senat sebagai badan utama akademik di universiti. Ketika ini hanya Universiti Sains Malaysia (USM) mempunyai kuasa autonomi setelah ia terpilih sebagai Program Pemacu untuk Kecemerlangan (APEX) pertama sejak program itu diperkenalkan pada 2008 yang bertujuan meningkatkan inovasi, prestasi dan menggalakkan kecemerlangan universiti terbit.

Oleh itu, Universiti APEX diberi kuasa autonomi dalam bidang tadbir urus, sumber manusia seperti lantikan anggota sokongan, staf akademik dan pengurusan atasan, kewangan dan pengambilan pelajar.

Sementara itu, kerajaan juga cuba melalui autonomi universiti ini untuk menerapkan kebebasan akademik dari segi mikro yang membabitkan kebebasan pensyarah memperkembangkan ilmu dan mahasiswa bagi menuntut serta mendalami ilmu.

Kebebasan akademik secara mikro ini menjamin agar peranan pensyarah bukan saja mengajar, tetapi juga bagaimana untuk meningkatkan kualiti pembelajaran melalui penyediaan dan penghasilan buku ilmiah.

lidikan dan penghasilan buku ilmiah.

Najib pernah menjelaskan bahawa 'peranan ahli akademik daripada pensyarah sehingga profesor menjadi semakin kritikal, sekali gus strategik. Peranan itu tidak lagi boleh sekadar memberi kuliah dan melakukan penyelidikan semata-mata. Untuk membolehkan ekosistem intelektual universiti tempatan menyerlah dan menyumbang secara signifikan kepada kemajuan negara, maka peranan ahli akademik, terutama mereka yang berjawatan profesor, perlu dikembangkan untuk menjadi pemangkin daya kreativiti dan mendorong inovasi'.

Kreativiti dan inovasi akan dapat dicapai sekiranya pensyarah diberikan kebebasan untuk mengeksplorasi dan menyelongkari ilmu tanpa sekatan, namun diiringi sikap bertanggungjawab dengan ilmu yang diperolehi itu untuk dimanfaatkan oleh nusa dan bangsa.

Mohamed Khaled menjelaskan bahawa mahasiswa dibenarkan bersuara dalam hal berkaitan akademik dan dibenarkan memberi pendapat dalam seminar serta simposium dengan syarat majlis tidak dianjurkan atau diberi peruntukan kewangan oleh parti politik, pertubuhan menyalahi undang-undang serta pertubuhan, badan atau kumpulan

yang dikenal pasti oleh menteri sebagai tidak sesuai.

Universiti awam digalakkan agar menubuhkan parlimen pelajar sebagaimana yang telah dirintis oleh Universiti Sains Malaysia. Sebuah parlimen pelajar pada peringkat kebangsaan mungkin boleh dipertimbangkan jika 75 peratus daripada IPTA telah membentuk parlimen pelajar di peringkat universiti masing-masing. Ini bersesuaian dengan matlamat kerajaan bagi melahirkan modal insan atau graduan yang berkualiti.

Kualiti graduan itu perlu diukur berdasarkan 4C iaitu *Critical thinking and Problem Solving* (Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah), *Effective Communication* (Komunikasi yang efektif), *Collaboration and team building* (Kolaborasi dan Gerak Kerja Berkumpulan), serta *Creativity and Innovation* (Kreativiti dan Inovasi).

Oleh itu, pelaksanaan autonomi universiti ini akan dapat menjamin kepada keberkesanan kebebasan akademik secara makro juga mikro malah Kementerian Pengajian Tinggi dan semua agensi di bawahnya harus memikul tanggungjawab melebarkan peluang dan menggarap konsep pendemokrasian pendidikan tinggi yang menjamin kepada kebebasan akademik itu.

Apa yang pasti, segala tanggungjawab dalam membuat keputusan haruslah secara bersama dan kolektif. Ini kerana sifat universiti itu sendiri, tegas Mohamed Khaled, mesti didasari semangat bermuafakat. Prospek pendidikan tinggi negara dilihat akan dapat memacu ke arah kecemerlangan sekiranya matlamat murni yang dijelaskan melalui implimentasi autonomi universiti dan kebebasan akademik dapat direalisasikan dengan jayanya.

**Penulis ialah karyawan tamu Kementerian Pengajian Tinggi dan pensyarah kanan merangkap Pengerusi Program Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia**